

Pencapaian Politeknik Kuching membanggakan

KUCHING: Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Datuk Mohlis Jaafar bangga dengan pencapaian pasukan Politeknik Kuching yang memenangi pingat emas pada Anugerah Harta Intelek Negara 2016 Peringkat Zon Sarawak baru-baru ini.

Beliau memberitahu, pencapaian itu dapat menjadi galakan kepada pelajar lain di politeknik negeri ini dalam menghasilkan produk berinovasi yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat.

"Kita sememangnya sentiasa menggalakkan pelajar termasuk pensyarah di setiap politeknik untuk menghasilkan produk inovasi mengikut bidang masing-masing yang mana produk itu memberi nilai tambah atau kemudahan kepada masyarakat dalam kerja seharian.

"Malah, kita bukan sahaja menggalakkan penglibatan dalam pertandingan di peringkat kebangsaan sahaja tetapi juga di peringkat antarabangsa seperti yang kita lakukan di Korea baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching, Matang dekat sini, semalam.

Pada Selasa lalu, pasukan Politeknik Kuching dengan reka cipta 'Use of Mineral Bottle in Bitumen' dianugerahkan pingat emas pada Anugerah Harta Intelek Negara 2016 Peringkat Negeri Sarawak sekali gus mewakili negeri ini ke peringkat kebangsaan yang dijangka berlangsung pada Ogos depan di Kuala Lumpur.

Selain itu, Mohlis berkata penekanan terhadap penghasilan produk inovasi dalam



MOHLIS

pembelajaran di setiap politeknik juga membantu pelajar dan pensyarah sentiasa aktif dalam menghasilkan produk berinovasi.

Menurutnya, penekanan terhadap pembangunan produk inovasi di politeknik turut menyumbang ke arah pemikiran berinovasi di kalangan pelajar dan pensyarah di situ.

Mengenai usaha menaik taraf kemudahan di politeknik di negeri ini, Mohlis berkata kerajaan sentiasa menitik berat aspek keselesaan dan kelengkapan pelajar untuk mendapatkan suasana pembelajaran yang berkualiti.

"Kerja-kerja menaik taraf kemudahan kita lakukan secara berterusan mengikut keutamaan berdasarkan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi memberi suasana pembelajaran yang selesa kepada pelajar dan juga kakitangan politeknik," ujarnya.

Hadir sama Pengarah Politeknik Kuching Muhamad Rumzi Mamat, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik Ani Fazliana Dahri dan tetamu kehormat lain.